

3/7/2015
MIS 59

Eropah diancam haba maut

» *Kali akhir fenomena pada tahun 2003 korban lebih 70,000 penduduk*

Madrid

Sepanyol akan dilanda gelombang panas sekurang-kurangnya selama sembilan hari bermula hari ini dan kesannya dijangka berlanjutan di bahagian lain di Eropah, menurut pejabat cuaca nasional negara berkenaan kelmarin.

Seorang jurucakap pejabat cuaca berkata, gelombang panas itu, kali kedua pada musim panas kali ini, dijangka menjejaskan hampir seluruh Sepanyol.

Suhu dijangka tinggi Isnin depan, mencecah 44 darjah Celsius di sesetengah wilayah, oleh kerana tiupan angin panas dari Afrika.

“Mulai esok, gelombang panas akan dirasai di Perancis, Jerman, Itali, selatan Sweden, Poland dan negara lain di tengah Eropah,” kata jurucakap itu.

Katanya, gelombang panas itu akan berterusan sekurang-

kurangnya sembilan hari di Sepanyol.

Beliau bagaimanapun tidak memberi jangkaan berapa lama keadaan cuaca itu akan berlaku di negara lain.

Suhu cecah 44 darjah Celsius

Gelombang panas pertama di Sepanyol bermula Khamis lalu menyebabkan suhu melonjak kepada 44 darjah Celsius di kawasan pedalaman wilayah selatan Cordoba.

Sistem tekanan rendah yang membawa angin sejuk dari Atlantik menyebabkan suhu menurun Selasa lalu.

Suhu tertinggi direkodkan di negara itu kelmarin adalah di Lembah Ebro, kawasan timur laut negara berkenaan, di mana suhu mencapai 40 darjah Celsius.

Kali terakhir gelombang panas di Eropah adalah pada tahun 2003, menyebabkan kira-kira 70,000 maut terutama di kalangan warga tua. **AFP**



Kanak-kanak **menyejukkan badan** di pancuran kota London. [FOTO AGENSI]